

ACCU-CHEK® Guide



Panduan Pengguna Meter Glukosa Darah



ACCU-CHEK®

This file may not print or view at 100%.
Die lines and color breaks do not print.
“Holding Area” text, box and rules do not
print.

 Roche USA – 54084
V2/1 – 07791194001
07791194001(01) – Black

 Roche USA – 54084
V2/2 – 07791194001
07791194001(01) – PMS 307

Kandungan

Pengenalan.....	3
Bab 1: Sistem Baharu Anda.....	5
Bab 2: Pengukuran Glukosa Darah	13
Bab 3: Ujian Kawalan.....	25
Bab 4: Tetapan Meter	31
Bab 5: Semak Semula Data Anda	53
Bab 6: Komunikasi Wayarles dan Buat Berpasangan Meter	71
Bab 7: Penyelenggaraan Meter dan Pencarisilapan	85
Bab 8: Maklumat Teknikal	97
Bab 9: Jaminan	103
Glosari Teks Paparan Lengkap.....	105
Indeks	115

Pengenalan

Sistem Accu-Chek Guide

Jalur ujian Accu-Chek Guide dengan meter Accu-Chek Guide adalah bertujuan untuk mengukur glukosa secara kuantitatif dalam darah penuh kapilari yang segar dari hujung jari, tapak tangan, lengan bawah, dan lengan atas sebagai bantuan dalam memantau keberkesanan kawalan glukosa.

Jalur ujian Accu-Chek Guide dengan meter Accu-Chek Guide adalah bertujuan untuk pengujian sendiri diagnostik in vitro oleh pesakit diabetes.

Jalur ujian Accu-Chek Guide dengan meter Accu-Chek Guide adalah bertujuan untuk kegunaan diagnostik in vitro oleh pakar kesihatan dalam persekitaran klinik. Pengukuran darah vena, darah arteri, dan darah bayi baru lahir dihadkan kepada penggunaan pakar kesihatan.

Sistem ini bukan digunakan untuk mendiagnosis diabetes melitus, atau menguji sampel darah tali pusat neonat.

Sesuai untuk pengujian sendiri

Sistem ini termasuk:

Meter Accu-Chek Guide dengan bateri, jalur ujian Accu-Chek Guide* dan larutan kawalan Accu-Chek Guide*.

*Beberapa barangan mungkin tidak termasuk dalam kit. Barangan tersebut adalah pembelian berasingan.

AMARAN

- Bahaya tercekik. Bahagian kecil. Jauhkan daripada kanak-kanak di bawah umur 3 tahun.
- Mana-mana objek yang terkena darah manusia berpotensi menjadi sumber jangkitan (lihat: Clinical and Laboratory Standards Institute: Protection of Laboratory Workers from Occupationally Acquired Infections; Approved Guideline – Third Edition; CLSI document M29-A3, 2005).

Pengenalan

Kenapa Pengujian Glukosa Darah Secara Tetap Adalah Penting

Menguji glukosa darah anda secara tetap boleh memberi perbezaan besar dalam cara anda mengurus diabetes anda setiap hari. Kami telah menjadikannya semudah yang mungkin.

Maklumat Penting Mengenai Meter Baharu Anda

- Meter mungkin menghendaki anda untuk memilih bahasa dan format masa (12 jam atau 24 jam) kali pertama anda menghidupkannya.
- Semak masa dan tarikh pada meter sebelum anda memulakan ujian. Laraskan masa dan tarikh jika perlu.
- Skrin data sampel inggeris ditunjukkan dalam keseluruhan panduan pengguna. Data anda akan berbeza.
- Jika anda mengikut langkah-langkah dalam panduan pengguna ini tetapi masih mempunyai simptom yang nampaknya tak sepadan dengan nilai pengukuran anda, atau jika anda ada sebarang pertanyaan, berbincang dengan pakar kesihatan anda.

Meter Accu-Chek Guide



1. Paparan

Tunjukkan hasil pengukuran, mesej dan nilai pengukuran yang disimpan dalam memori.

2. Butang kembali

Kembali ke paparan atau medan sebelumnya.

3. Butang anak panah atas dan anak panah bawah

Tekan untuk memilih antara pilihan menu atau untuk meningkatkan atau menurunkan nombor.

4. Butang Hidup/Mati/Set/OK

Hidupkan atau matikan meter dan tetapkan pilihan.

5. Slot jalur ujian dengan lampu

Masukkan jalur ujian di sini.

6. Penutup tempat bateri

Buka untuk tukar bateri.

7. Port USB mikro

Pindahkan data dari meter ke komputer (PC).

8. Pelenting jalur ujian

Tekan untuk menanggalkan jalur ujian.

1

Sistem Baru Anda



9. Bekas jalur ujian*

10. Hujung besi

Masukkan hujung ini ke dalam meter.

11. Hujung kuning

Sentuhkan titisan darah atau larutan kawalan di sini.

12. Botol dengan larutan kawalan*

13. Bateri

14. Kabel USB*

Menyambungkan meter ke PC.

*Beberapa barangan mungkin tidak termasuk dalam kit. Barangan tersebut adalah pembelian berasingan.


Fungsi Butang

Berikut adalah fungsi butang kembali, anak panah dan Hidup/Mati/Set/OK pada meter. Fungsi ini digunakan dalam keseluruhan panduan pengguna ini. Lihat bab **Tetapan Meter** bagi arahan khusus berkenaan persediaan meter.

Butang	Fungsi
 Butang kembali	Kembali ke paparan sebelumnya. Kembali ke medan sebelumnya.
 Butang anak panah atas dan anak panah bawah	Navigasi ke atas dan ke bawah dalam menu. Meningkatkan atau menurunkan nombor.
 Butang Hidup/Mati/Set/OK	Tekan sebentar untuk menghidupkan meter. Tekan dan tahan untuk mematikan meter. Tekan untuk memilih pilihan. Tekan untuk beralih ke medan atau paparan seterusnya. Tekan untuk menyimpan pilihan. Dengan meter dimatikan, tekan dan tahan untuk menyemak paparan meter. Display Check 

1 Sistem Baharu Anda


Menu Meter



- 1 Tajuk paparan atau menu
- 2 Pilihan menu
- 3 Skrol ke bawah
- 4 Skrol ke atas

Paparan	Deskripsi
	Terdapat lebih banyak pilihan menu tersenarai di bawah pilihan terakhir. Tekan pada meter untuk memaparkan pilihan.
	Terdapat lebih banyak pilihan menu tersenarai di atas pilihan pertama. Tekan pada meter untuk memaparkan pilihan.
	Terdapat lebih banyak pilihan menu tersenarai di atas dan di bawah pilihan. Tekan atau pada meter untuk memaparkan pilihan.

Sistem Baharu Anda 1

Paparan	Deskripsi
	Pilihan tersorot (Test (Pengukuran glukosa darah)) Tekan OK untuk memasuki menu Test (Pengukuran glukosa darah).
	Medan tersorot (Hour (Jam)) Tekan ▲ atau ▼ untuk meningkatkan atau menurunkan jam. Tekan OK untuk menetapkan jam dan beralih ke medan minit.

1 Sistem Baharu Anda

Simbol

Berikut merupakan senarai simbol pada paparan meter.

Simbol	Deskripsi
	Amaran
	Atas julat sasaran
	Bantuan
	Bateri rendah
	Berpuasa
	Botol kawalan
	Dalam julat sasaran
	Data saya
	Di bawah julat sasaran
	Edit
	Keseluruhan
	Lain-lain

Sistem Baharu Anda **1**

Simbol	Deskripsi
	Masa tidur
	Mod penerbangan
	Pengukuran glukosa darah
	Peringatan ujian
	Ralat
	Sebelum makan
	Selepas makan
	Tanda semak / Ujian kawalan OK / Pilihan atau tetapan dipilih
	Tetapan
	Tiada ulasan
	Ujian kawalan tidak OK

1 Sistem Baru Anda

Menetapkan Bahasa dan Format Masa

Meter mungkin menghendaki anda untuk memilih bahasa dan format masa (12 jam atau 24 jam) kali pertama anda menghidupkannya.

1

Language

✓ English

简体中文

繁體中文

Dansk

Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**.
Language (Bahasa) muncul.

2

Language

Dansk

✓ Deutsch

Español

Français

Tekan **↶** atau **↷** untuk menyorotkan bahasa. Tekan **OK** untuk menetapkan bahasa yang diinginkan dan kembali ke **Main Menu** (Menu Utama).

3

Time Format

✓ 12 hour

24 hour

Sekiranya meter menghendaki anda menetapkan format masa:

Time Format (Format Masa) muncul.

Tekan **↶** atau **↷** untuk menyorotkan **12 hour** (12 jam) (am/pm) atau **24 hour** (24 jam).

Tekan **OK** untuk menetapkan pilihan dan kembali ke **Main Menu** (Menu Utama).


NOTA

Sekiranya anda memilih bahasa yang salah dan tidak boleh membetulkannya, hubungi Roche.

Pengukuran Glukosa Darah | 2

AMARAN

Nilai glukosa dalam darah boleh dipaparkan sama ada dalam mg/dL atau mmol/L. Label di belakang meter menunjukkan unit pengukuran. Jika meter menunjukkan unit yang salah, hubungi Roche. Jika anda tidak tahu unit pengukuran yang mana betul untuk anda, hubungi pakar kesihatan anda. Menggunakan unit pengukuran yang salah boleh mengakibatkan salah interpretasi paras glukosa dalam darah sebenar anda dan boleh membawa kepada terapi yang tidak wajar.



2 Pengukuran Glukosa Darah

Menggunakan Sistem Accu-Chek Guide

- Gunakan jalur ujian Accu-Chek Guide sahaja.
- Gunakan jalur ujian serta-merta selepas ia dikeluarkan dari bekas jalur ujian.
- Jangan titiskan darah atau larutan kawalan kepada jalur ujian sebelum memasukkannya ke dalam meter.
- Tutup rapat bekas jalur ujian sejurus selepas mengeluarkan jalur ujian untuk melindungi jalur ujian daripada kelembapan udara.
- Simpan jalur ujian yang tidak digunakan dalam bekas jalur ujian asal dengan penutup ditutup rapat.
- Periksa tarikh tamat tempoh simpanan pada bekas jalur ujian. Jangan gunakan jalur ujian selepas tarikh tersebut.
- Simpan bekas jalur ujian dan meter dalam tempat yang sejuk dan kering seperti bilik tidur.
- Rujuk kepada sisip bungkusan jalur ujian untuk keadaan penyimpanan jalur ujian dan pengendalian sistem.

AMARAN

Jangan simpan jalur ujian dalam kawasan berhaba tinggi dan lembab (bilik air atau dapur)! Haba dan lembapan boleh merosakkan jalur ujian.

Menjalankan Pengukuran Glukosa Darah dengan Darah daripada Hujung Jari Anda

NOTA

- Sebelum anda menjalankan pengukuran glukosa darah pertama anda, tetapkan meter dengan betul.
- Anda memerlukan meter, jalur ujian alat pencucuk berserta jarum yang dimasukkan bagi menjalankan pengukuran glukosa darah.
- Pengukuran glukosa darah tidak boleh dijalankan sementara meter bersambung ke PC dengan kabel USB.
- Terdapat 2 cara untuk memulakan pengukuran glukosa darah.
 - Masukkan jalur ujian ke dalam meter.
 - Hidupkan meter dengan menekan sebentar . Pilih **Test** (Pengukuran glukosa darah) > .

Pengukuran Glukosa Darah | 2

1



Basuh tangan anda dengan air sabun suam dan keringkan betul-betul.

Sediakan alat pencucuk.

2



Periksa tarikh tamat tempoh simpanan pada bekas jalur ujian.

Jangan gunakan jalur ujian yang melepasi tarikh tamat tempoh simpanan.


3




Keluarkan satu jalur ujian dari bekas jalur ujian.

Tutup penutup dengan ketat.

4



Masukkan hujung besi jalur ujian ke dalam meter.



Meter akan hidup. **Preparing to test** (Sedia menguji) muncul.


5



Apabila **Apply drop** (Sentuhkan titisan) muncul, lakukan cucukan jari dengan alat pencucuk.


2 | Pengukuran Glukosa Darah

6




Picit perlahan-lahan jari anda untuk membantu aliran darah. Ini membantu anda mendapatkan titisan darah.

7




Sentuhkan **hujung kuning** jalur ujian kepada titisan darah. Alihkan jari anda daripada jalur ujian apabila **Analyzing** (Sedang menganalisis) muncul. Jangan letakkan darah pada bahagian atas jalur ujian.



8




atau




Nilai pengukuran muncul pada paparan.

Anda mempunyai pilihan untuk menambah ulasan kepada nilai pengukuran dengan menekan  ATAU terus ke Langkah 11 untuk melengkapkan pengukuran glukosa darah.

Pengukuran Glukosa Darah | 2



Add Comment (Tambah Ulasan) muncul. Tekan untuk menyorotkan ulasan. Tekan untuk menetapkan ulasan bagi nilai pengukuran. Lihat bahagian **Menambah Ulasan kepada Nilai Glukosa dalam Darah** daripada bab ini untuk butiran.



Nilai pengukuran akhir muncul. Tekan atau untuk menetapkan ulasan dan kembali ke **Main Menu** (Menu Utama). Atau untuk mengubah ulasan, tekan untuk memilih ulasan.

Tekan untuk kembali ke **Add Comment** (Tambah Ulasan).



Tekan di sini untuk mengeluarkan jalur ujian.

Tanggalkan dan buang jalur ujian yang telah digunakan dengan menarik keluar jalur ujian daripada meter atau dengan menekan pelenting jalur ujian pada sisi meter.

2 Pengukuran Glukosa Darah

Amaran Glukosa Darah

Sekiranya nilai glukosa dalam darah anda di luar julat pengukuran meter, amaran dipaparkan. Tekan  untuk mengesahkan amaran LO atau HI, ATAU meter beralih secara automatik ke paparan nilai glukosa dalam darah LO atau nilai glukosa dalam darah HI.

 WARNING LO Result Retest BG. Contact your healthcare professional.		9:38 12/11/15 LO Add Comment	Glukosa darah mungkin lebih rendah daripada julat pengukuran sistem. Lihat bahagian Nilai Glukosa dalam Darah Yang Luar Biasa daripada bab ini.
 WARNING HI Result Consider checking BG, ketones, and insulin.		9:38 12/11/15 HI Add Comment	Glukosa darah mungkin lebih tinggi daripada julat pengukuran sistem. Lihat bahagian Nilai Glukosa dalam Darah Yang Luar Biasa daripada bab ini.

Menambah Ulasan kepada Nilai Glukosa dalam Darah

NOTA

Menganalisis nilai glukosa dalam darah anda yang tersimpan dalam meter merupakan cara yang berkesan bagi anda dan pakar kesihatan anda untuk menentukan prestasi anda mengawal diabetes anda. Analisis ini ialah alat yang berguna untuk membuat penambahbaikan kepada pengurusan diabetes anda. Berhati-hati apabila menambah ulasan kepada nilai glukosa dalam darah. Ulasan yang tidak betul boleh menyebabkan corak yang tidak tepat dikesan oleh meter semasa Corak adalah **On** (Hidup).

Gambaran keseluruhan

Ianya sangat penting untuk memastikan masa dan tarikh yang betul ditetapkan dalam meter. Mempunyai tetapan masa dan tarikh yang betul membantu memastikan interpretasi yang tepat bagi maklumat oleh anda dan pakar kesihatan anda.

- Anda boleh menambah ulasan kepada nilai glukosa dalam darah bagi membantu anda dan pakar kesihatan anda menganalisis corak yang dikesan oleh meter (lihat bahagian **Corak** dalam bab **Tetapan Meter** untuk butiran).
- Sekiranya Corak ditetapkan kepada **On** (Hidup), setelah corak dikesan anda mungkin TIDAK dapat mengubah ulasan yang dilampirkan dengan nilai glukosa dalam darah (lihat bahagian **Corak** dalam bab **Tetapan Meter** untuk butiran).
- Tindakan menambah ulasan akan menyimpan ulasan dan simbol dengan nilai glukosa dalam darah.


2 | Pengukuran Glukosa Darah

Berikut merupakan simbol ulasan yang boleh ditambah kepada nilai glukosa dalam darah.


Simbol	Nama	Deskripsi
	Sebelum makan	Jika Corak adalah On (Hidup), pilih Sebelum sarapan, makan tengah hari, makan malam, atau snek (lihat halaman berikut untuk menambah ulasan dengan Corak On (Hidup)).
	Selepas makan	Jika Corak adalah On (Hidup), pilih Selepas sarapan, makan tengah hari, makan malam, atau snek (lihat halaman berikut untuk menambah ulasan dengan Corak On (Hidup)).
	Berpuasa	Pilih Fasting (Berpuasa) bagi tanpa pengambilan kalori untuk sekurang-kurangnya 8 jam.*
	Masa tidur	
	Ulasan lain	Anda boleh menggunakan ulasan ini untuk menanda peristiwa seperti nilai pengukuran AST atau senaman.
	Tiada kemasukan	1. Anda tidak ingin menambah ulasan. 2. Anda ingin membuang ulasan untuk nilai glukosa dalam darah semasa.

*American Diabetes Association: Standards of Medical Care in Diabetes-2013.

Pengukuran Glukosa Darah | 2



Selepas menjalankan pengukuran glukosa darah, nilai pengukuran dipaparkan pada skrin dengan **Add Comment** (Tambah Ulasan) disorotkan. Tekan untuk menambah ulasan.




Menu **Add Comment** (Tambah Ulasan) muncul. Tekan untuk menyorotkan ulasan yang diinginkan (contohnya di sini adalah **Before meal** (Sebelum makan)). Tekan untuk memilih ulasan.



Jika Corak adalah On (Hidup):

Jika **Corak** adalah On (Hidup) dan anda pilih **Before meal** (Sebelum makan) atau **After meal** (Selepas makan), tekan untuk memilih makanan khusus (**Breakfast** (Sarapan), **Lunch** (Makan tengah hari), **Dinner** (Makan malam) atau **Snack** (Snek)). Tekan untuk menetapkan makanan yang dipilih untuk nilai pengukuran.



Nilai pengukuran akhir muncul dengan simbol ulasan. Tekan atau untuk menetapkan ulasan dan kembali ke **Main Menu** (Menu Utama).

Untuk mengubah ulasan, tekan untuk memilih ulasan.

Tekan untuk kembali ke **Add Comment** (Tambah Ulasan).

2 Pengukuran Glukosa Darah

Menjalankan Pengukuran Glukosa Darah dengan Darah daripada Tapak tangan, Lengan bawah atau Lengan atas anda (Ujian Dari Tempat Cucukan yang Lain)

Anda mempunyai pilihan pengambilan sampel darah daripada tapak lain pada tubuh selain daripada hujung jari. Tempat cucukan yang lain termasuk tapak tangan, lengan bawah atau lengan atas.

Darah yang diambil daripada hujung jari dan tapak tangan boleh digunakan pada bila-bila masa untuk menjalankan pengukuran glukosa darah.

Jika darah daripada lengan bawah atau lengan atas digunakan, terdapat masa-masa tertentu apabila pengukuran tidak sesuai. Ini kerana paras glukosa dalam darah anda berubah lebih cepat dalam hujung jari anda dan tapak tangan berbanding dalam lengan bawah atau lengan atas. Perbezaan ini boleh menyebabkan anda salah interpretasi paras glukosa dalam darah anda sebenar dan membawa kepada terapi tidak wajar dan potensi kesan kesihatan yang memudaratkan.

Baca bahagian seterusnya sebelum anda cuba menguji daripada lengan bawah atau lengan atas.

Anda boleh melakukan ujian lengan bawah atau lengan atas	• sejurus sebelum makan. • semasa berpuasa.
Anda TIDAK boleh melakukan ujian lengan bawah atau lengan atas	• sehingga 2 jam selepas makan, apabila nilai glukosa dalam darah boleh meningkat dengan cepat. • selepas menyuntik insulin bolus, apabila nilai glukosa dalam darah boleh menurun dengan cepat. • selepas bersenam. • jika anda sakit. • jika anda rasa glukosa darah anda rendah (hipoglisemia). • jika kadang-kadang anda tidak sedar apabila glukosa darah anda rendah.

AMARAN

Jangan menggunakan ujian dari tempat cucukan yang lain untuk menentukan sistem pamantauan glukosa berterusan atau membuat pengiraan dos insulin.

Jika anda berminat dalam AST, bincang dengan pakar kesihatan anda dahulu.

Untuk mendapatkan penutup AST dan arahan AST terperinci, hubungi Roche.

Pengukuran Glukosa Darah | 2

Nilai Glukosa dalam Darah Yang Luar Biasa

Jika nilai glukosa dalam darah anda tidak sepadan dengan apa yang anda rasa, semak senarai ini untuk membantu menyelesaikan masalah.

Semakan Pencarisilapan	Tindakan
Adakah jalur ujian tamat tempoh?	Buang jalur ujian jika ia telah melepasi tarikh tamat tempoh simpanan. Ulang pengukuran glukosa darah dengan jalur ujian yang belum tamat tempoh.
Adakah penutup pada bekas jalur ujian sentiasa ditutup rapat?	Gantikan jalur ujian jika anda fikir bekas jalur ujian tidak ditutup untuk suatu tempoh. Ulang pengukuran glukosa darah.
Adakah jalur ujian digunakan serta-merta selepas ia dikeluarkan dari bekas jalur ujian?	Ulang pengukuran glukosa darah dengan jalur ujian baharu.
Adakah jalur ujian disimpan di tempat yang sejuk dan kering?	Ulang pengukuran glukosa darah dengan jalur ujian yang disimpan dengan betul.
Adakah anda mengikuti arahan?	Lihat bab Pengukuran Glukosa Darah dan ulangi pengukuran glukosa darah. Hubungi Roche jika anda masih menghadapi masalah.
Adakah meter dan jalur ujian berfungsi dengan betul?	Jalankan ujian kawalan. Lihat bab Ujian Kawalan untuk arahan.
Adakah anda masih kurang pasti apakah masalahnya?	Hubungi Roche.

2 | Pengukuran Glukosa Darah

Simptom Glukosa Darah Rendah atau Tinggi

Mengetahui simptom glukosa darah rendah atau tinggi boleh membantu anda memahami nilai pengukuran anda dan membuat keputusan mengenai apa yang perlu dilakukan sekiranya keputusan kelihatan luar biasa.

Glukosa darah rendah (hipoglisemia): Simptom hipoglisemia termasuk, tetapi tidak terhad kepada, resah, menggeletar, berpeluh, sakit kepala, meningkat rasa lapar, pening, warna kulit pucat, perubahan mood secara tiba-tiba atau kerengsaan, lesu, sukar untuk menumpukan perhatian, kekok, berdebar-debar dan/atau keliru.

Glukosa darah tinggi (hiperglikemia): Simptom hiperglikemia termasuk, tetapi tidak terhad kepada, meningkat rasa dahaga, kerap buang air kecil, pandangan kabur, mengantuk dan/atau kehilangan berat badan yang tidak dapat diterangkan.

AMARAN

Jika anda mengalami mana-mana simptom ini, atau simptom lain yang luar biasa, uji glukosa darah anda daripada hujung jari atau tapak tangan. Jika nilai glukosa dalam darah dipaparkan sebagai LO atau HI hubungi pakar kesihatan anda serta-merta.

Bila Perlu Menjalankan Ujian Kawalan

Menjalankan ujian kawalan membolehkan anda tahu meter dan jalur ujian berfungsi dengan betul. Anda perlu melakukan ujian kawalan apabila:

- anda membuka kotak jalur ujian baharu.
- anda membiarkan bekas jalur ujian terbuka.
- anda berpendapat jalur ujian rosak.
- anda mahu memeriksa meter dan jalur ujian.
- jalur ujian disimpan dalam suhu atau kelembapan udara yang melampau atau kedua-duanya.
- anda menjatuhkan meter.
- nilai pengukuran anda tidak sepadan dengan bagaimana anda rasa.
- anda mahu memeriksa sama ada anda menjalankan pengukuran dengan betul.

Mengenai Larutan Kawalan

- Gunakan larutan kawalan Accu-Chek Guide sahaja.
- Tutup rapat botol dengan larutan kawalan selepas digunakan.
- Tulis tarikh yang anda membuka botol dengan larutan kawalan pada label botol. Larutan kawalan hendaklah dibuang 3 bulan dari tarikh botol dengan larutan kawalan dibuka (tarikh buang) atau pada tarikh tamat tempoh simpanan pada label botol, yang mana satu terjadi dahulu.
- Jangan gunakan larutan kawalan yang melepasi tarikh tamat tempoh simpanan atau tarikh buang.
- Rujuk kepada sisip bungkusan larutan kawalan untuk syarat penyimpanan larutan kawalan.
- Meter mengenali secara automatik perbezaan antara larutan kawalan dan darah.
- Keputusan kawalan tidak dipaparkan dalam memori.
- Larutan kawalan boleh meninggalkan kesan pada kain. Bersihkan kesan dengan mencuci dengan sabun dan air.

3 | Ujian Kawalan

Menjalankan Ujian Kawalan

Anda memerlukan meter, jalur ujian dan larutan kawalan Tahap 1 atau Tahap 2.

1




Periksa tarikh tamat tempoh simpanan pada bekas jalur ujian. Jangan gunakan jalur ujian yang melepasi tarikh tamat tempoh simpanan.

2




Keluarkan satu jalur ujian dari bekas jalur ujian.
Tutup penutup dengan ketat.

3



Masukkan hujung besi jalur ujian ke dalam meter. Letakkan meter pada permukaan mendatar.



Meter akan hidup. **Preparing to test** (Sedia menguji) muncul.



Apply drop (Sentuhkan titisan) muncul.

Ujian Kawalan 3

4




Pilih larutan kawalan untuk diuji. Anda akan masukkan tahap kemudian dalam ujian ini.

5




Tanggalkan penutup botol. Lap muncung botol dengan tisu. Picit botol sehingga terbentuk titisan kecil pada hujungnya.

6




Sentuhkan titisan pada **hujung kuning** jalur ujian. Jangan letakkan larutan kawalan pada bahagian atas jalur ujian.



Analyzing (Sedang menganalisis) muncul apabila terdapat larutan kawalan yang mencukupi dalam jalur ujian.


3 | Ujian Kawalan

7



Control Result (Keputusan Kawalan) dan simbol botol kawalan muncul. Tekan atau untuk memilih tahap kawalan yang anda uji. Jika anda tidak memilih tahap, keputusan kawalan akan disimpan tanpa tahap kawalan. Tekan .

8



Within range (Dalam julat) dan muncul jika keputusan kawalan adalah dalam julat.

Out of range (Luar daripada julat) dan muncul jika keputusan kawalan adalah luar julat.

9



Lap muncung botol dengan tisu.
Tutup rapat botol tersebut.

Alih keluar dan buang jalur
ujian yang telah digunakan.

NOTA

Meter dimatikan 90 saat selepas ujian berjaya atau 15 saat selepas jalur ujian dikeluarkan, jika tiada tindakan lain dijalankan.

3 | Ujian Kawalan

Mentafsir Keputusan Kawalan Luar Julat

AMARAN

Julat kawalan tercetak pada label bekas jalur ujian. Jika keputusan kawalan luar daripada julat, semak senarai ini untuk membantu menyelesaikan masalah.

Semakan Pencarisilapan	Tindakan
Adakah jalur ujian atau larutan kawalan telah tamat tempoh?	Buang jalur ujian atau larutan kawalan jika satu daripadanya telah melepasi tarikh tamat tempoh simpanan. Jika larutan kawalan dibuka lebih daripada 3 bulan yang lalu, buangkannya. Ulang ujian kawalan dengan jalur ujian yang belum tamat tempoh dan larutan kawalan yang belum tamat tempoh.
Adakah anda lap hujung botol dengan larutan kawalan sebelum menggunakan?	Lap muncung botol dengan tisu. Ulang ujian kawalan dengan jalur ujian baharu dan titisan larutan kawalan baharu.
Adakah penutup pada bekas jalur ujian dan botol dengan larutan kawalan sentiasa ditutup rapat?	Gantikan jalur ujian atau larutan kawalan jika anda berpendapat bahawa sama ada satu daripadanya tidak ditutup untuk suatu tempoh. Ulang ujian kawalan.
Adakah jalur ujian digunakan serta-merta selepas ia dikeluarkan dari bekas jalur ujian?	Ulang ujian kawalan dengan jalur ujian baharu dan titisan larutan kawalan baharu.
Adakah jalur ujian dan larutan kawalan disimpan di tempat yang sejuk dan kering?	Ulang ujian kawalan dengan jalur ujian atau larutan kawalan yang disimpan dengan betul.
Adakah anda mengikuti arahan?	Baca bab Ujian Kawalan dan ulang ujian kawalan.
Adakah anda memilih tahap larutan kawalan yang betul, sama ada 1 atau 2 semasa anda melakukan ujian kawalan?	Jika anda memilih tahap larutan kawalan yang salah, anda masih boleh membandingkan keputusan kawalan dengan julat yang dicetak pada bekas jalur ujian.
Adakah anda masih kurang pasti apakah masalahnya?	Hubungi Roche.

Tetapan Meter **4**

Gambaran Keseluruhan

Anda boleh melaraskan tetapan berikut dalam meter untuk kegemaran peribadi anda. Rujuk kepada bahagian kemudian dalam bab ini untuk butiran dan cara untuk menetapkan pilihan.

Tetapan	Pilihan	Fungsi
Time/Date (Masa/Tarikh)	Time / Date (Masa / Tarikh)	Tetapkan masa dan tarikh.
Beeper (Alat bip)	On / Off (Hidup / Mati)	Pilih On (Hidup) atau Off (Mati).
Wireless (Wayarles)	Pilih tetapan komunikasi wayarles. Lihat bab Komunikasi Wayarles dan Buat Berpasangan Meter .	

4 | Tetapan Meter

Tetapan	Pilihan	Fungsi
Target Ranges (Julat Sasaran)	Off / Single Range / 2 Ranges (Mati / Julat Tunggal / 2 Julat)	Pilih julat sasaran glukosa darah yang bersesuaian dengan anda. NOTA Runding pakar kesihatan anda bagi julat sasaran yang bersesuaian dengan anda. Off (Mati) – tiada simbol anak panah julat sasaran muncul dengan nilai glukosa dalam darah. Corak adalah Off (Mati) (lihat bahagian Corak daripada bab ini untuk butiran).
	70–160 mg/dL (julat sasaran pratetap) 3.9–8.9 mmol/L (julat sasaran pratetap)	Single Range (Julat Tunggal) – nilai glukosa dalam darah ditanda dengan di atas, dalam, atau di bawah julat berdasarkan julat sasaran tunggal yang ditetapkan dalam meter.
	Julat Sebelum Makan 70–110 mg/dL (julat sasaran pratetap) 3.9–6.1 mmol/L (julat sasaran pratetap) Julat Selepas Makan 70–160 mg/dL (julat sasaran pratetap) 3.9–8.9 mmol/L (julat sasaran pratetap)	2 Ranges (2 Julat) – tetapkan julat Sebelum Makan dan Selepas Makan. Nilai glukosa dalam darah ditanda dengan di atas, dalam, atau di bawah julat berdasarkan 2 julat sasaran (Sebelum Makan dan Selepas Makan) yang ditetapkan dalam meter.

Tetapan Meter 4


Tetapan	Pilihan	Fungsi
Patterns (Corak)	On / Off (Hidup / Mati)	On (Hidup) – corak dikesan apabila 2 nilai pengukuran bawah sasaran atau 3 nilai pengukuran atas sasaran dengan ulasan yang sama dikesan dalam tempoh 7 hari.
Reminders (Peringatan)	On / Off / Edit time (Hidup / Mati / Edit masa)	On (Hidup) – tetapkan sehingga 4 peringatan setiap hari untuk mengingatkan anda untuk mengukur.
Post Meal (Selepas Makan)	On / Off / Edit time (Hidup / Mati / Edit masa)	On (Hidup) – mengingatkan anda untuk menjalankan pengukuran glukosa darah selepas makan.
Last Result (Nilai Glukosa Dalam Darah Terakhir)	On / Off (Hidup / Mati)	Pilih sama ada nilai glukosa dalam darah sebelumnya (dalam tempoh 24 jam yang lalu) muncul dengan nilai glukosa dalam darah semasa. On (Hidup) – nilai glukosa dalam darah sebelumnya muncul dengan nilai glukosa dalam darah semasa. Off (Mati) – hanya nilai glukosa dalam darah semasa akan muncul.
Language (Bahasa)		Pilih bahasa bagi meter.
Time Format (Format Masa)	12 hour / 24 hour (12 jam / 24 jam)	Pilih format jam bagi meter.

4 | Tetapan Meter

Masa/Tarikh

Masa/Tarikh

1




Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Dari pada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **▼** untuk menyorotkan **Settings** (Tetapan). Tekan **OK**.

2



Time/Date (Masa/Tarikh) disorotkan. Tekan **OK**.

3




Tekan **▼** atau **▲** untuk melaraskan setiap medan. Tekan **OK** untuk menetapkan dan beralih ke medan seterusnya. Tetapkan **am** atau **pm** jika perlu.

Tekan **OK** untuk menyimpan dan kembali ke menu sebelumnya.


Alat Bip

Alat bip mengingatkan anda:


- apabila jalur ujian dimasukkan.
- untuk titiskan darah atau larutan kawalan pada jalur ujian.
- apabila cukup darah atau larutan kawalan diserap ke dalam jalur ujian.
- apabila pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan selesai.
- apabila meter dihidupkan.
- apabila butang ditekan.
- apabila ianya masa untuk menjalankan pengukuran glukosa darah (sekiranya Peringatan atau Peringatan Selepas Makan adalah **On** (Hidup)).
- apabila bateri dimasukkan.
- apabila tidak terdapat nilai glukosa dalam darah disimpan atau terdapat rekod tidak sah dalam buku log.
- apabila tidak terdapat ralat dalam log ralat.
- jika ralat berlaku (walaupun alat bip dimatikan, ia masih berbunyi untuk ralat).



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Daripada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **▼** untuk menyorotkan **Settings** (Tetapan). Tekan **OK**.



Tekan **▼** untuk menyorotkan **Beeper** (Alat bip). Tekan **OK**.



Tekan **▼** atau **▲** untuk menyorotkan **On** (Hidup) atau **Off** (Mati). Tekan **OK** untuk alihkan **✓** kepada pilihan.

Tekan **OK** untuk menetapkan pilihan dan kembali ke menu sebelumnya.

4 | Tetapan Meter

Julat Sasaran

Julat Sasaran

Pakar kesihatan anda boleh menasihati anda mengenai julat glukosa darah yang bersesuaian dengan anda. Adalah sangat penting untuk berada dalam lingkungan julat sasaran anda.

Julat Sasaran boleh ditetapkan daripada had lebih rendah 50–100 mg/dL (2.8–5.5 mmol/L) kepada had lebih tinggi 101–200 mg/dL (5.6–11.1 mmol/L).

Pilihan	Fungsi
Off (Mati)	Simbol anak panah untuk di atas, dalam, atau di bawah julat sasaran tidak muncul dengan nilai glukosa dalam darah.
Single Range (Julat Tunggal)	Tetapkan had lebih rendah dan had lebih tinggi untuk Julat Sasaran. Anda akan dikehendaki untuk menghidupkan Corak jika diperlukan (lihat bahagian Corak daripada bab ini untuk butiran).
2 Ranges (2 Julat)	Tetapkan had lebih rendah dan had lebih tinggi bagi julat sasaran Sebelum makan dan Selepas makan. Anda mestilah menanda nilai glukosa dalam darah dengan ulasan untuk meter mengesan di atas, dalam, atau di bawah nilai pengukuran Sebelum Makan atau Selepas Makan (lihat bahagian Menambah Ulasan kepada Nilai Glukosa dalam Darah dalam bab Pengukuran Glukosa Darah untuk butiran). Anda akan dikehendaki untuk menghidupkan Corak jika diperlukan (lihat bahagian Corak daripada bab ini untuk butiran).


Apabila Julat Sasaran dalam keadaan **On** (Hidup), simbol berikut muncul dengan nilai glukosa dalam darah.

Simbol	Maksud
	Nilai glukosa dalam darah adalah di bawah julat sasaran.
	Nilai glukosa dalam darah adalah dalam julat sasaran.
	Nilai glukosa dalam darah adalah di atas julat sasaran.

⚠️ AMARAN

Fungsi ini bukan pengganti untuk latihan hipoglisemia oleh pakar kesihatan anda.

1



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Daripada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **OK** untuk menyorotkan **Settings** (Tetapan). Tekan **OK**.

2



Tekan **OK** untuk menyorotkan **More Options** (Lebih Pilihan). Tekan **OK**.

3



Target Ranges (Julat Sasaran) disorotkan. Tekan **OK**.

4 | Tetapan Meter

Julat Sasaran

4

Target Ranges

✓ Off

Single Range

2 Ranges

② Help

Tekan  atau  untuk menyorotkan **Off** (Mati), **Single Range** (Julat Tunggal), atau **2 Ranges** (2 Julat). Tekan  untuk memilih pilihan (contoh di sini adalah **2 Ranges** (2 Julat)).

5

Target Ranges

 Before Meal

70 - 130

 After Meal

70 - 180

mg/dL

atau

Target Ranges

 Before Meal

3.9 - 7.2

 After Meal

3.9 - 9.9

mmol/L

Tekan  atau  untuk melaraskan had lebih rendah julat sasaran **Before Meal** (Sebelum Makan). Tekan  untuk menetapkan dan beralih ke medan seterusnya.

Teruskan penetapan had lebih tinggi bagi julat **Before Meal** (Sebelum Makan) dan had lebih tinggi dan lebih rendah bagi julat sasaran **After Meal** (Selepas Makan). Tekan .

6

Target Ranges

Off

Single Range

✓ 2 Ranges

② Help

✓ muncul bersebelahan pilihan yang anda pilih.

Tekan  untuk kembali ke menu sebelumnya.

Target Ranges

Would you like to turn on Patterns?

No

Yes

② Help

Meter mungkin menghendaki anda untuk menghidupkan Corak.

Tekan  atau  untuk menyorotkan **Yes** (Ya) atau **No** (Tidak).

Tekan  untuk menetapkan pilihan dan kembali ke menu sebelumnya (lihat bahagian **Corak** daripada bab ini untuk butiran).

NOTA

Menganalisis nilai glukosa dalam darah anda yang tersimpan dalam meter merupakan cara yang berkesan bagi anda dan pakar kesihatan anda untuk menentukan prestasi anda mengawal diabetes anda. Analisis ini ialah alat yang berguna untuk membuat penambahbaikan kepada pengurusan diabetes anda. Berhati-hati apabila menambah ulasan kepada nilai glukosa dalam darah. Ulasan yang tidak betul boleh menyebabkan corak yang tidak tepat dikesan oleh meter jika Corak ialah **On** (Hidup).

Corak


Corak dikesan oleh meter apabila 2 nilai pengukuran bawah sasaran (Low Pattern) (Corak Rendah) atau 3 atas sasaran (High Pattern) (Corak Tinggi) dengan ulasan yang sama dikesan dalam tempoh 7 hari.

- Meter TIDAK mengesan corak bagi ulasan "lain" yang ditambah kepada nilai glukosa dalam darah.
- Ianya sangat penting untuk memastikan masa dan tarikh yang betul ditetapkan dalam meter. Mempunyai tetapan masa dan tarikh yang betul membantu memastikan interpretasi yang tepat bagi maklumat oleh anda dan pakar kesihatan anda.
- Hanya nilai glukosa dalam darah yang bertanda ulasan akan dimasukkan ke dalam Corak. Jika nilai pengukuran LO atau HI bertanda ulasan, hasil pengukuran menjadi sebahagian daripada Corak (lihat bab **Pengukuran Glukosa Darah** bagi butiran lanjut).
- Julat Sasaran mestilah ditetapkan dalam meter untuk menggunakan Corak. Jika julat sasaran tidak ditetapkan, meter menghendaki anda menentukannya.

4 | Tetapan Meter

Corak

1



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Dari pada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **▼** untuk menyorotkan **Settings** (Tetapan). Tekan **OK**.

2




Tekan **▼** untuk menyorotkan **More Options** (Lebih Pilihan). Tekan **OK**.

3




Tekan **▼** untuk menyorotkan **Patterns** (Corak). Tekan **OK**.

4




Tekan untuk menyorotkan **On** (Hidup). Tekan untuk alihkan kepada pilihan. Tekan .



Mesej ini muncul jika Julat Sasaran ialah Off (Mati):


Tekan untuk menyorotkan **Yes** (Ya). Tekan .

(Untuk pilih Corak **Off** (Mati), pilih **No** (Tidak). Tekan untuk kembali kepada **Patterns** (Corak)).




Target Ranges (Julat Sasaran) muncul pada paparan (lihat bahagian **Julat Sasaran** daripada bab ini untuk butiran bagi penetapan julat sasaran).

Jika Corak ialah **On** (Hidup) dan corak baharu dikesan dengan nilai glukosa dalam darah, mesej muncul pada paparan.



Tekan  untuk memilih **Details** (Butiran) untuk memaparkan nilai glukosa dalam darah yang menghasilkan corak.

atau



Tekan  untuk menyorotkan **View later** (Lihat kemudian).

Tekan  untuk kembali ke skrin sebelumnya.

Peringatan

Anda boleh menetapkan sehingga 4 Peringatan ujian setiap hari untuk mengingatkan anda berkenaan pengukuran glukosa darah. Suatu siri bunyi bip dan  dipaparkan bagi Peringatan yang ditetapkan dalam meter.

Peringatan:

- matikan dengan memasukkan jalur ujian atau menekan mana-mana butang.
- ditangguhkan sehingga peringatan ujian seterusnya jika pengukuran glukosa darah dijalankan dalam tempoh 15 minit daripada peringatan ujian.
- tidak muncul/menghasilkan bunyi bip jika meter dihidupkan pada masa peringatan ujian (termasuk apabila meter dihubungkan kepada kabel USB).
- tidak muncul/menghasilkan bunyi bip jika meter dihubungkan dan berkomunikasi dengan peranti Continua Certified®.
- tidak menghasilkan bunyi bip jika alat bip meter ditetapkan kepada mati.
- tidak muncul/menghasilkan bunyi bip jika bateri perlu diganti.


Tetapkan Peringatan

- Masa peringatan adalah dipratetapkan dalam meter untuk 8:00, 12:00, 18:00 dan 22:00. Anda boleh mengubah masa peringatan mengikut arahan pada halaman yang berikutan.
- Jika Peringatan ujian umum ditetapkan untuk masa yang sama seperti peringatan Selepas Makan, peringatan Selepas Makan akan muncul/menghasilkan bunyi bip dan bukan Peringatan umum (lihat bahagian **Peringatan Selepas Makan** daripada bab ini untuk butiran).

4 Tetapan Meter


Peringatan

1



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**.
Daripada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **▼**
untuk menyorotkan **Settings** (Tetapan). Tekan **OK**.

2




Tekan **▼** untuk menyorotkan **More Options**
(Lebih Pilihan). Tekan **OK**.

3




Tekan **▼** atau **▲** untuk menyorotkan
Reminders (Peringatan). Tekan **OK**.

4




Masa peringatan pratetap muncul pada paparan.
Tekan **▼** untuk menyorotkan masa Peringatan.
Tekan **OK**.

5



Masa peringatan pratetap muncul. Tekan atau untuk memilih **On** (Hidup) atau **Off** (Mati). Tekan untuk alihkan kepada pilihan.




Untuk mengubah masa Peringatan yang dipaparkan:

Tekan untuk menyorotkan **Edit time** (Edit masa). Tekan .



Tekan atau untuk melaraskan setiap medan. Tekan untuk beralih ke medan seterusnya. Tekan untuk kembali ke menu sebelumnya.


6



menandakan Peringatan ditetapkan untuk masa yang dipaparkan dan ditetapkan secara automatik kepada **On** (Hidup). Untuk mematikan peringatan, tekan untuk menyorotkan **Off** (Mati).

Tekan untuk kembali ke **Reminders** (Peringatan).

7



Masa peringatan muncul.

Tekan untuk teruskan menetapkan peringatan tambahan atau tekan untuk kembali ke **More Options** (Lebih Pilihan).

Peringatan Selepas Makan

Peringatan Selepas Makan boleh ditetapkan untuk mengingatkan anda sekali lagi apabila anda menambah ulasan Sebelum Makan kepada nilai glukosa dalam darah. Apabila peringatan berfungsi, siri bunyi bip dan  dipaparkan.

Peringatan Selepas Makan:

- matikan dengan memasukkan jalur ujian atau menekan mana-mana butang.
- ditangguhkan sehingga peringatan seterusnya jika pengukuran glukosa darah dijalankan dalam tempoh 15 minit daripada peringatan ujian.
- tidak muncul/menghasilkan bunyi bip jika meter dihidupkan pada masa peringatan ujian (termasuk apabila meter dihubungkan kepada kabel USB).
- tidak muncul/menghasilkan bunyi bip jika meter dihubungkan dan berkomunikasi dengan peranti Continua Certified®.
- tidak menghasilkan bunyi bip jika alat bip meter ditetapkan kepada mati.
- tidak muncul/menghasilkan bunyi bip jika bateri perlu diganti.

Tetapkan Peringatan Selepas Makan


- Penambahan ulasan Sebelum Makan kepada nilai glukosa dalam darah menetapkan peringatan Selepas Makan dalam meter.
- Menanda nilai glukosa dalam darah dengan ulasan Selepas Makan memberikan maklumat lanjut mengenai nilai pengukuran anda untuk membantu anda dan pakar kesihatan anda dalam pengurusan diabetes anda.
- Berbincang dengan pakar kesihatan anda untuk menentukan masa pengukuran glukosa darah Selepas Makan anda.
- Pilih 1 jam, 1.5 jam atau 2 jam untuk peringatan Selepas Makan berlaku.

Tetapan Meter

Peringatan Selepas Makan

4

1



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Dari pada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **▼** untuk menyorotkan **Settings** (Tetapan). Tekan **OK**.

2



Tekan **▼** untuk menyorotkan **More Options** (Lebih Pilihan). Tekan **OK**.

3



Tekan **▼** untuk menyorotkan **Post Meal** (Selepas Makan). Tekan **OK**.



4

Tetapan Meter

Peringatan Selepas Makan

4



Tekan atau untuk menyorotkan **On** (Hidup). Tekan untuk alihkan kepada pilihan.

5



Tekan untuk menyorotkan **Edit time** (Edit masa). Tekan .

6



Tekan atau untuk menyorotkan **1 hour** (1 jam), **1.5 hours** (1.5 jam) atau **2 hours** (2 jam) selepas makan bagi peringatan **Selepas Makan** berlaku.

Tekan untuk alihkan kepada pilihan.

Tekan untuk menetapkan dan kembali ke menu sebelumnya.

Tetapan Meter


4

Nilai Glukosa Dalam Darah Terakhir

Nilai Glukosa Dalam Darah Terakhir


Pilih sama ada nilai glukosa dalam darah sebelumnya muncul dengan nilai glukosa dalam darah semasa.

Nilai pengukuran lebih lama daripada 24 jam tidak akan muncul.



Off (Mati) – hanya nilai glukosa dalam darah semasa ❶ muncul.

On (Hidup) – nilai glukosa dalam darah sebelumnya ❷ muncul dengan nilai pengukuran dalam darah semasa.



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Daripada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **OK** untuk menyorotkan **Settings** (Tetapan). Tekan **OK**.

4

Tetapan Meter

Nilai Glukosa Dalam Darah Terakhir

2




Tekan untuk menyorotkan **More Options** (Lebih Pilihan). Tekan .

3



Tekan untuk menyorotkan **Last Result** (Nilai Glukosa Dalam Darah Terakhir). Tekan .

4




Tekan atau untuk menyorotkan **On** (Hidup) atau **Off** (Mati). Tekan untuk alihkan kepada pilihan.

Tekan untuk menetapkan pilihan dan kembali ke menu sebelumnya.

Bahasa

Pilih bahasa yang muncul pada meter.

1



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Daripada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **▼** untuk menyorotkan **Settings** (Tetapan). Tekan **OK**.

2



Tekan **▼** untuk menyorotkan **More Options** (Lebih Pilihan). Tekan **OK**.

3



Tekan **▼** untuk menyorotkan **Language** (Bahasa). Tekan **OK**.

4



Tekan **▼** atau **▲** untuk menyorotkan bahasa yang diinginkan. Tekan **OK** untuk alihkan **✓** kepada pilihan.

Tekan **OK** untuk menetapkan bahasa dan kembali ke menu sebelumnya.


4 | Tetapan Meter

Format Masa

Format Masa

Pilih format masa (12 jam atau 24 jam) yang muncul pada meter.

1



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Dari pada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **▼** untuk menyorotkan **Settings** (Tetapan). Tekan **OK**.

2




Tekan **▼** untuk menyorotkan **More Options** (Lebih Pilihan). Tekan **OK**.

3



Tekan **▼** untuk menyorotkan **Time Format** (Format Masa). Tekan **OK**.

4



Tekan **▼** atau **▲** untuk menyorotkan **12 hour** (12 jam) (am/pm) atau **24 hour** (24 jam). Tekan **OK** untuk alihkan **✓** kepada pilihan.

Tekan **OK** untuk menetapkan format masa dan kembali ke menu sebelumnya.

Gambaran keseluruhan

- Nilai glukosa dalam darah adalah disimpan daripada yang paling terkini sehingga yang paling lama.
- Meter tersebut secara automatik menyimpan sehingga 720 nilai glukosa dalam darah dalam memori dengan masa dan tarikh hasil pengukuran dan sebarang ulasan nilai pengukuran.
- Apabila terdapat 720 nilai glukosa dalam darah dalam memori, menambah nilai glukosa dalam darah baharu akan memadamkan nilai glukosa dalam darah yang paling lama.
- Hanya nilai pengukuran yang ditanda dengan ulasan berpuasa, sebelum makan, selepas makan atau masa tidur akan termasuk dalam nilai purata untuk ulasan tersebut.
- Semua nilai pengukuran adalah termasuk dalam keseluruhan nilai purata 7, 14, 30 dan 90 hari tanpa mengira komen apakah yang telah ditambahkan.
- Keputusan kawalan disimpan dalam memori tetapi tidak boleh disemak semula pada meter. Untuk melihat keputusan kawalan yang disimpan, pindahkan keputusan tersebut kepada aplikasi perisian serasi.
- Keputusan kawalan tidak termasuk dalam nilai purata atau laporan glukosa darah.
- Apabila terdapat 32 keputusan kawalan di dalam memori, menambah keputusan kawalan baharu akan memadamkan keputusan kawalan yang paling lama.

 AMARAN


Jangan ubah terapi anda berdasarkan pada nilai pengukuran individu dalam memori. Berbincang dengan pakar kesihatan anda sebelum menukar terapi berdasarkan pada nilai pengukuran dalam memori.

5 Semak Semula Data Anda

Buku Log


Buku Log

1



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Daripada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **My Data** untuk menyorotkan **My Data** (Data Saya). Tekan **OK**.

2



Logbook (Buku log) disorotkan. Tekan **OK**.

3

Logbook			Logbook		
12/11/15 mg/dL			12/11/15 mmol/L		
14:30	●	145	14:30	●	8.0
11:30	⌘	65	11:30	⌘	3.6
9:38	⊘	106	9:38	⊘	5.8
7:38	☾	85	7:38	☾	4.7

atau

Tekan **▼** atau **▲** untuk melihat lalu **Logbook** (Buku log).

Nilai pengukuran yang terkini ①.

Nilai pengukuran kedua terkini ②.

4

Untuk melihat butiran mengenai nilai pengukuran, tekan  atau  untuk menyorotkan nilai pengukuran. Tekan . Butiran nilai pengukuran yang dipaparkan di bawah hanya akan muncul jika **Target Ranges** (Julat Sasaran) adalah **On** (Hidup) atau ulasan ditambahkan kepada nilai pengukuran.

1



atau



Nilai pengukuran yang
terkini.

2



atau




Nilai pengukuran kedua terkini.


5 Semak Semula Data Anda

Nilai purata


Nilai purata




Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Daripada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **My Data** (Data Saya). Tekan **OK**.




Tekan **My Data** untuk menyorotkan **Averages** (Nilai purata). Tekan **OK**.



Tekan **Averages** untuk menyorotkan kategori (contoh di sini ialah **Overall** (Keseluruhan)). Tekan **OK**.



Tekan **90 days** untuk menyorotkan tempoh masa (contoh di sini ialah **90 days** (90 hari)). Tekan **OK**.



Tekan **Back** untuk kembali ke menu sebelumnya jika anda mahu menyemak semula tempoh masa berbeza ATAU tekan **OK** atau **Next** untuk beralih ke nilai purata yang berbeza.

Peratus Sasaran (%)

Peratus Sasaran (%) membolehkan anda melihat peratusan nilai glukosa dalam darah Keseluruhan, Sebelum makan, Selepas makan, Berpuasa dan Masa tidur yang berada di atas, dalam atau di bawah julat sasaran anda.


- Nilai % Sasaran hanya dapat dilihat untuk tempoh masa 7, 14, 30 atau 90 hari.
- Julat Sasaran mestilah ditetapkan di dalam meter untuk menyemak semula nilai % Sasaran.

1



Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**. Daripada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **My Data** (Data Saya). Tekan **OK**.

2



Tekan **Target %** untuk menyorotkan **Target %** (% Sasaran). Tekan **OK**.

3



Tekan **Before meal** untuk menyorotkan kategori (contoh di sini ialah **Before meal** (Sebelum makan)). Tekan **OK** untuk memilih pilihan.

5

Semak Semula Data Anda

Peratus Sasaran (%)

4

Target %
Before meal
7 days
14 days
30 days
90 days

Tekan untuk menyorotkan tempoh masa (contoh di sini ialah **90 days** (90 hari)). Tekan .

5

Target %
Before meal
90 days
Above
Within
Below
Tests: 720

Target % (% Sasaran) muncul (untuk contoh **Before meal** (Sebelum makan)). Bilangan jumlah pengukuran termasuk dalam % Sasaran yang muncul di bawah paparan.

Tekan untuk kembali ke menu sebelumnya.

NOTA

Menganalisis nilai glukosa dalam darah anda yang tersimpan dalam meter merupakan cara yang berkesan bagi anda dan pakar kesihatan anda untuk menentukan prestasi anda mengawal diabetes anda. Analisis ini ialah alat yang berguna untuk membuat penambahbaikan kepada pengurusan diabetes anda. Berhati-hati apabila menambah ulasan kepada nilai glukosa dalam darah. Ulasan yang tidak betul boleh menyebabkan corak tidak tepat dikesan pada meter jika Corak ialah **On** (Hidup).

Data Rendah/Tinggi

Pakar kesihatan anda boleh menasihati anda mengenai julat glukosa darah yang bersesuaian dengan anda. Adalah sangat penting untuk berada dalam lingkungan julat sasaran anda.

- Julat Sasaran mestilah ditetapkan dalam meter untuk mengesan nilai pengukuran Data Rendah/Tinggi (lihat bahagian **Julat Sasaran** dalam bab **Tetapan Meter** untuk butiran).
- Data BG Rendah dan Data BG Tinggi hanya termasuk nilai pengukuran yang didapati di atas atau di bawah julat sasaran yang ditetapkan dalam meter.
- Data BG Rendah atau Data BG Tinggi dikesan dalam meter untuk 30 hari.



5 Semak Semula Data Anda

Data Rendah/Tinggi

Anda boleh memilih nilai pengukuran BG Rendah dan BG Tinggi untuk nilai glukosa dalam darah Keseluruhan, Sebelum makan, Selepas makan, Berpuasa atau Masa tidur.

Simbol	Nama	Deskripsi
	Keseluruhan	Termasuk nilai glukosa dalam darah rendah dan tinggi berdasarkan kepada Julat Sasaran yang ditetapkan dalam meter.
	Sebelum makan	Anda boleh melihat nilai pengukuran rendah atau tinggi yang ditanda dengan ulasan Sebelum Makan bagi nilai glukosa dalam darah Keseluruhan, Sebelum sarapan, Sebelum makan tengah hari, Sebelum makan malam dan Sebelum snek.*
	Selepas makan	Anda boleh melihat nilai pengukuran rendah atau tinggi yang ditanda dengan ulasan Selepas Makan bagi nilai glukosa dalam darah Keseluruhan, Selepas sarapan, Selepas makan tengah hari, Selepas makan malam dan Selepas snek.*
	Berpuasa	Termasuk nilai glukosa dalam darah rendah atau tinggi yang ditandakan sebagai Berpuasa dalam ulasan.
	Masa tidur	Termasuk nilai glukosa dalam darah masa tidur rendah atau tinggi yang ditandakan sebagai Masa tidur dalam ulasan.

*Nilai pengukuran untuk Sebelum dan Selepas makan tertentu hanya tersedia jika Corak ditetapkan kepada **On** (Hidup).

Semak Semula Data Anda

5

Data Rendah/Tinggi

1




Hidupkan meter dengan menekan sebentar **OK**.
Daripada **Main Menu** (Menu Utama), tekan **▼**
untuk menyorotkan **My Data** (Data Saya). Tekan
OK.

2



Tekan **▼** untuk menyorotkan **Low/High Data**
(Data Rendah/Tinggi). Tekan **OK**.

3



atau



Jika Julat Sasaran ditetapkan kepada On (Hidup):

Tekan **▼** untuk memilih **Low BG Data** (Data BG Rendah) atau **High BG Data** (Data BG Tinggi) (contoh di sini ialah **High BG Data** (Data BG Tinggi)). Tekan **OK**.

Jika julat sasaran TIDAK On (Hidup) dalam masa 30 hari:

Mesej ini muncul pada meter (untuk menghidupkan Julat Sasaran, lihat bahagian **Julat Sasaran** dalam bab **Tetapan Meter** untuk butiran).

